



كوفراسي كساتوان كوروملايو مليسيا بارات برهد

KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD

Bangunan KGMMB, No. 720 Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-40411723/25, 03-40453743/75 Fax: 03-40411730

**MINIT MESYUARAT AGUNG KOPERASI KGMMB BERHAD
KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR KALI KE-15:2025**

TARIKH : 13 April 2025
MASA : 2.30 petang
TEMPAT : SMK Padang Tembak, Jalan Sultan Yahya Petra,
51100, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
KEHADIRAN: 104 orang anggota

TURUT HADIR:

- | | | |
|----|--------------------------------|-------------------------------|
| 1. | Cikgu Ibrahim bin Marlan | Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd |
| 2. | Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat | Timbalan Pengerusi Koperasi |
| 3. | Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari | Setiausaha Koperasi KGMMB Bhd |
| 4. | Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin | Bendahari koperasi KGMMB Bhd |

PENGACARA MAJLIS : Cikgu Jumawati binti Othman (12372)

Mesyuarat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan diikuti dengan lagu Wilayah Persekutuan dan lagu koperasi.

AGENDA 1: DOA;

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Cikgu Hj Mohmad Shofi bin Osman (08657) ini diberkati Allah SWT.

AGENDA 2: UCAPAN PENERUSI KAWASAN;

- 2.1 Mesyuarat dimulai dengan ucapan Pengerusi Kawasan Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari (14275) yang melahirkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dapat mengadakan mesyuarat agung kawasan (MAK) kali ke-15 dan sebagai kawasan ke-3 yang mengadakan mesyuarat bagi tahun 2025.

- 2.2 Pengerusi Kawasan Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari (14275) juga turut menyatakan kempen keanggotaan kepada semua anggota. Di mana, anggota koperasi akan memperoleh komisen sebanyak RM30.00 bagi setiap keanggotaan baru yang didaftarkan.

AGENDA 3: UCAPAN WAKIL KOPERASI KGMMB BERHAD;

- 3.1 Pengerusi Koperasi KGMMB Berhad Cikgu Ibrahim bin Marlan mengalu-alukan kehadiran anggota Koperasi serta mengucapkan Selamat Hari Raya dan memohon maaf atas kelewatan hadir pada mesyuarat kali ini kepada semua yang hadir pada hari ini.
- 3.2 Pengerusi memaklumkan bahawa keuntungan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2024 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM5,166,554.00 berbanding RM4,194,521.00 pada tahun 2023 iaitu meningkat sebanyak RM972,033.00 (23.17%). Pendapatan koperasi tahun ini ialah RM6,921,014.00 dan perbelanjaan sebanyak RM1,754,461.00. Koperasi dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak 33% daripada tahun sebelumnya.
- 3.3 Pengerusi memaklumkan sumber pendapatan lain koperasi ialah daripada Unit Pengguna RM251,993.00, Unit Pembangunan rugi RM86,802.00 dan Unit Hotel juga menunjukkan kerugian RM83,093.00 pada tahun 2024.
- 3.4 Pengerusi menyarankan bagi memastikan koperasi terus mencapai keuntungan, koperasi perlu mengukuhkan strategi perniagaan selain pembiayaan kepada anggota dalam pembiayaan peribadi, pembiayaan khas dan pembiayaan pengguna serta sewaan bangunan. Aktiviti perniagaan lain seperti;
 - 3.4.1 Merangka pembangunan hartanah di Lanchang, Pahang yang berkeluasan 6 ekar dalam dalam proses mendapatkan Kelulusan Merancang dan di Kampung Gemuruh, Terengganu berkeluasan 4 ekar dipecahkan kepada 18 lot dan untuk dijual kepada anggota.
 - 3.4.2 Pusat dialisis usahasama dengan MyAngkasa Dialisis Sdn. Bhd. yang mana koperasi memegang pelaburan 40% di Sg. Tong, Terengganu. Insyaallah dengan izin Allah pusat ini akan dapat beroperasi dalam tahun ini.
 - 3.4.3 Unit Hotel koperasi kita telah diserahkan pengurusannya kepada Syarikat DRH Group Sdn Bhd yang mempunyai kemahiran dalam bidang perhotelan.
- 3.5 Pengerusi memaklumkan aktiviti utama koperasi iaitu pembiayaan sebanyak RM16,520,554.35 juta kepada anggota bagi tahun 2024 pengurangan sebanyak RM416,584.54 berbanding tahun 2023 dengan

pecahan RM7,030,348.45 pembiayaan pengguna, RM4,318,750.00 pembiayaan peribadi dan pembiayaan khas sebanyak RM5,161,000.00 dan insurans kenderaan sebanyak RM10,455.90.

- 3.6 Pengerusi melahirkan rasa syukur kerana koperasi telah 5 kali tersenarai dalam 100 koperasi terbaik Malaysia. Bagi tahun 2024 koperasi berada dikedudukan ke-40 antara 100 koperasi terbaik di seluruh Malaysia.

Dengan sokongan daripada anggota dan staf diharapkan perniagaan koperasi akan terus bertambah maju dan memohon maaf jika ada salah dan silap. Akhir kata dengan lafaz Bismillah, Pengerusi merasmikan mesyuarat Agung Kawasan kali ke-15 dengan harapan mesyuarat berjalan lancar dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

AGENDA 4: MELANTIK SEORANG PENERUSI MESYUARAT;

- 4.1 Mesyuarat bersetuju melantik Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari (14275) sebagai Penerusi Mesyuarat.

Cadangan: Cikgu Hj Mohamad Shofi bin Osman (08657)

Sokongan: Cikgu Nadzaruddin bin Kasim (17381)

AGENDA 5: MELANTIK SEORANG PENCATAT MINIT;

- 5.1 Penerusi memaklumkan mesyuarat melantik staf koperasi Pn. Izzah Izyan binti Jaafarudin sebagai pencatat minit mesyuarat.

AGENDA 6 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KAWASAN KALI KE-14 (2024);

- 6.1 Penerusi membentangkan minit mesyuarat agung kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kali ke-14 (2024) pada 28 April 2024 yang diadakan secara Teams Webinar.

Cadangan: Cikgu Hj Mohamad Shofi bin Osman (08657)

Sokongan: Cikgu Rozlan bin Hj Mohamed (21594)

AGENDA 7 : MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN DAN DERAF AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023;

- 7.1 Bendahari koperasi membentangkan deraf akaun berakhir 31/12/2024 dari muka surat 34 hingga muka surat 41 dengan merujuk perkara berikut;
- Muka surat 34, jumlah pelaburan lain tidak dimasukkan kerana jumlah tersebut dinyatakan pada muka surat 39.
 - Ralat pada muka surat 20, jumlah peningkatan yuran anggota sebanyak RM1,504,110.00 bukan RM1,503,110.00 seperti yang tercatat peningkatan sebanyak 0.02%.

Laporan akaun ini hanya deraf untuk pembentangan sahaja yang akan dibincangkan oleh perwakilan pada MAPT bulan Julai 2025.

Mesyuarat bersetuju menerima laporan tahunan dan deraf akaun koperasi dari muka surat 1 hingga muka surat 41.

AGENDA 8 : MEMBENTANGKAN BAJET TAHUN 2025 UNTUK DIBENTANGKAN DI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN;

- 8.1 Bendahari membentangkan bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

Bajet 2026 menyasarkan keuntungan sebanyak RM4,249,929.00 daripada pendapatan RM6,955,753.00 dan perbelanjaan sebanyak RM2,705,824.00.

Mesyuarat menerima bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

AGENDA 9 : CADANGAN PINDAAN KEPADA UUK;

- 9.1 – tiada –

AGENDA 10 : MELANTIK ANGGOTA PERWAKILAN;

- 10.1 Pengerusi memaklumkan seramai 6 orang perwakilan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk 1 orang ALK kekal sebagai perwakilan tahun 2024 supaya dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam MAPT yang dijangka diadakan pada bulan Julai tahun 2025 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti senarai berikut:-

11.1.1 Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari (14275)

- 11.1.2 Cikgu Nadzaruddin bin Kasim (17381)
- 11.1.3 Cikgu Ahmad Sofi bin Zainal Abidin (37180)
- 11.1.4 Cikgu Jumawati binti Othman (12372)
- 11.1.5 Cikgu Mustafa Kamal bin Mohamad Nor (38307)
- 11.1.6 Cikgu Syed Khairul Azwi bin Syed Mokhtar (22169)

AGENDA 11: MENIMBANG USUL-USUL DARI LEMBAGA DAN ANGGOTA;

11.1 USUL ALK 2025 – CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

Anggota Lembaga Koperasi membuat usul supaya perkara 60 (1), modal syer dipinda kepada berikut;

UUK yang asal;

- 60. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut 34 fasal
- (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat. (2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut: (a) (b) Yuran 61. seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Undang undang Kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

Cadangan pindaan; Modal Syer ditingkat kepada RM1,000.00

Rasional Meningkatkan Modal Syer Koperasi - Modal syer merupakan antara sumber kewangan utama bagi sesebuah koperasi. Peningkatan modal syer memainkan peranan yang amat penting dalam memperkukuh kedudukan kewangan koperasi serta menjamin kelangsungan operasinya dalam jangka masa panjang. Rasional utama mengapa langkah ini wajar dilaksanakan;

Pertama, peningkatan modal syer dapat meningkatkan keupayaan kewangan koperasi. Modal yang mencukupi membolehkan koperasi menjalankan operasi harian dengan lebih lancar dan melaksanakan pelbagai aktiviti perniagaan serta pelaburan yang berpotensi menjana keuntungan. Ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan koperasi dari segi pendapatan dan aset.

Kedua, modal syer yang kukuh dapat mempertingkatkan daya saing koperasi di pasaran. Dengan kewangan yang lebih stabil, koperasi berupaya untuk memperluas perkhidmatan, menambah baik produk, serta meneroka peluang-peluang perniagaan baru. Contoh pertanian, perladangan (kelapa sawit). Ini penting agar koperasi dapat kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar.

Selain itu, modal yang tinggi juga membolehkan koperasi melabur dalam projek-projek pembangunan yang berskala besar serta berimpak tinggi. Ini termasuk pembelian aset tetap, pembangunan hartanah, atau usaha sama dengan entiti lain yang dapat memberi pulangan lumayan dalam jangka panjang. Pembinaan stesen minyak juga akan meningkatkan keuntungan kepada koperasi. Tambahan pula, peningkatan modal syer boleh memberi manfaat secara langsung kepada anggota koperasi. Keuntungan yang diperoleh hasil daripada pelaburan dan operasi koperasi berpotensi untuk dikembalikan kepada anggota dalam bentuk dividen yang lebih tinggi. Ini sekali gus menggalakkan penglibatan aktif anggota dalam koperasi.


Akhir sekali, modal syer yang kukuh mengurangkan kebergantungan koperasi kepada pembiayaan luar, terutamanya pinjaman yang mungkin mengenakan kadar faedah tinggi. Ini membantu koperasi mengurus risiko kewangan dengan lebih berkesan dan mengekalkan kestabilan kewangan jangka panjang.

AGENDA 12: MELANTIK AHLI JAWATANKUASA KAWASAN;

12.1 Pengerusi memaklumkan AJK Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada 6 orang perwakilan yang telah dilantik.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.56 petang dengan ucapan terima kasih kepada semua anggota yang menyertai mesyuarat ini.

Minit dicatat oleh :



(Izzah Izyan binti Jaafarudin)
Eksekutif Pentadbiran

Minit disahkan oleh :



(Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari)
Pengerusi Kawasan